

JAWATAN : PEMBANTU KEMAHIRAN GRED H1

KUMPULAN PERKHIDMATAN: PELAKSANA
KLASIFIKASI PERKHIDMATA : KEMAHIRAN (H)
TERMA LANTIKAN : SEPENUH MASA
TARAF JAWATAN : TETAP
GAJI POKOK : RM1,500.00 – RM4,680.00

SYARAT LANTIKAN

1. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:-
 - a. Warganegara Malaysia.
 - b. Berumur tidak kurang 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan.
2. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki:
 - (i) Sijil Vokasional Malaysia dalam bidang berkaitan yang diiktiraf oleh Kerajaan.(Gaji Permulaan:RM1,500.00); atau
 - (ii) Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan dan Sijil kemahiran Malaysia Tahap 2 dalam bidang berkaitan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya. (Gaji Permulaan: RM 1,561.00); atau
 - (iii) Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan dan Sijil Kekompetenan Pendawai Fasa Tunggal yang dikeluarkan oleh Suruhanjaya Tenaga atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya. (Gaji Permulaan:RM1,561.00); atau
 - (iv) Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf dengannya oleh Kerajaan dan Sijil Kemahiran Malaysia Tahap 3 dalam bidang berkaitan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya. (Gaji Permulaan:RM1,622.00); atau
 - (v) Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan dan Sijil Kekompetenan Pendawai Fasa Tiga yang dikeluarkan oleh Suruhanjaya Tenaga atau kelayakan yang diiktiraf dengannya. (Gaji Permulaan: RM1,622.00).
3. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia/Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan.

SYARAT TAMBAHAN UNIVERSITI

Calon dalam bidang berikut akan diberi keutamaan:

- (i) Mekanikal
- (ii) Pertukangan Awam

RINGKASAN TUGAS

Bertanggungjawab dalam tugas sokongan teknikal di bangunan universiti dan kolej kediaman iaitu memasang, membaikpulih, menyelenggara, mengawasi serta menguji kenderaan/jentera/peralatan awam dan mekanikal, pemasangan elektrik, sistem elektrik, sistem perpaipan dan kumbahan supaya sentiasa dalam keadaan baik dan selamat.

CARA MEMOHON:

1. Permohonan hendaklah dibuat melalui Sistem Permohonan Jawatan (*hrportal*) yang boleh dicapai dalam laman web rasmi UPMKB di ejobs.upm.edu.my.
2. Hanya calon yang **layak dan melepassi proses saringan sahaja akan dipanggil untuk sesi temuduga.**
3. Permohonan yang **tidak lengkap tidak akan diproses.**
4. Calon yang tidak menerima apa-apa jawapan dalam tempoh **enam (6) bulan dari tarikh tutup iklan adalah dianggap tidak berjaya.**
5. Sebarang pertanyaan mohon hubungi Seksyen Perlantikan Pejabat Pendaftar (UPMKB) di talian 086-855289/086-855234/086-855259